

Keberkesanan Penggunaan Garis Panduan Penyediaan Penginapan Pekerja Asing dalam Sektor Pembinaan

**Nik Rofidah Nik Mohd Sofi¹, Sulzakimin Mohamed^{1,2*}, Seow
Ta Wee^{1,2}, Goh Kai Chen^{1,2} & Md Asrul Nasid Masrom^{1,2}**

¹Jabatan Pengurusan Pembinaan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor,
MALAYSIA

²Center of Sustainable Infrastructure & Environmental Management (CSIEM),
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor ,
MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2023.04.02.026>

Received 30 September 2023; Accepted 01 November 2023; Available online 01 December
2023

Abstract: *In Malaysia, one challenge faced in the construction sector is how there are many foreign workers employed. This causes a lot of temporary accommodation and settlement areas being built for their use. However, these are usually built without the accordance of the approved proper specifications, building materials, and construction methods. The problem statements are regarding problems that arise due to the actions of some developers or contractors to place construction labor in buildings that are still under construction. The research objectives include finding out the effectiveness of following the accommodations preparations guidelines for the foreign workers on the construction site, identifying the factors that prevent the effectiveness of using the accommodations preparations guideline for the foreign workers on the construction site, and lastly identifying the steps to be taken to practise the usage of the accommodation's preparation guidelines among employers. This research involved project manager, facilitation coordinators, as well as health and safety inspectors from three different construction firm as respondent. This research used a structured interview method to study the problems arising regarding accommodations of foreign workers at construction sites, several problems highlighted include packed living arrangements, social problems, poverty, and lack of facilitating infrastructures. Based on the research study carried out, it is found that employers through the relationship between behaviors in performing a responsibility. This effectiveness is important to ensure the preparation of accommodations for foreign workers on the construction site is done properly and also ensuring the safety and health of the workers.*

Keywords: *Guidelines, Foreign Worker, Foreign Workers Accommodation*

Abstrak: Cabaran yang dihadapi dalam sektor pembinaan merupakan bagaimana ia dipenuhi dengan kedatangan pekerja pendatang asing di Negara Malaysia. Hal ini menyebabkan terdapat banyak kawasan penginapan dan penempatan sementara yang didirikan bagi kegunaan mereka. Walau bagaimanapun, ia dibentuk dengan binaan rumah yang tidak mengikut spesifikasi serta bahan binaan dan juga teknik pembinaan yang diluluskan. Permasalahan kajian adalah permasalahan yang timbul disebabkan tindakan sesetengah pemaju atau kontraktor menempatkan buruh binaan di bangunan yang masih dalam pembinaan. Objektif kajian ini ialah mengkaji keberkesanan penggunaan garis panduan penyediaan penginapan pekerja asing di tapak bina, mengenalpasti faktor-faktor yang menghalang keberkesanan penggunaan garis panduan penyediaan penginapan pekerja asing di tapak bina, dan juga mengenalpasti langkah-langkah untuk menerapkan penggunaan garis panduan dalam kalangan majikan. Kajian ini meliputi kaedah temubual bersama responden iaitu pengurus projek, pengurus fasiliti serta pegawai keselamatan dan kesihatan, yang melibatkan tiga syarikat pembinaan yang berbeza. Kajian ini telah menggunakan kaedah temubual secara berstruktur. Bagi mengkaji permasalahan yang timbul mengenai isu penginapan pekerja di kawasan tapak bina, antara permasalahan yang berbangkit termasuk seperti kesesakan penghuni di dalam tempat penginapan, masalah sosial, kemiskinan serta kekurangan kemudahan infrastruktur. Keberkesanan penggunaan garis panduan dari hasil kajian mendapati penggunaan garis panduan dalam kalangan majikan melalui hubungan antara tingkah laku dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab. Keberkesanan ini sangat penting untuk memastikan penyediaan kemudahan pekerja asing di tapak bina dapat disediakan dengan baik, dan juga diberikan perlindungan keselamatan dan kesihatan pekerja

Kata Kunci: Garis Panduan, Pekerja Asing, Penginapan Pekerja Asing

1. Pengenalan

Pada masa ini, cabaran dalam sektor pembinaan dipenuhi dengan kedatangan pendatang asing di Malaysia. Malah permintaan sumber tenaga kerja dari pihak majikan turut menjadi pemangkin kehadiran mereka ke Malaysia (Feng, 2010). Hal ini menyebabkan terdapat banyak kawasan penginapan dan penempatan yang didirikan dan di bentuk serta binaan rumah yang dibina tidak mengikut spesifikasi serta bahan dan binaan yang diluluskan (Utusan Malaysia, 2005). Oleh itu, penyediaan penginapan pekerja asing hendaklah disediakan mengikut Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Penempatan Pekerja Asing yang disediakan oleh Jabatan Tenaga kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM). Selain itu, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) harus memastikan penyediaan penginapan pekerja asing yang disediakan oleh majikan pekerja mengikut spesifikasi dan memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut. Majikan bertanggungjawab dalam memberikan perlindungan, layanan saksama, dan tanpa diskriminasi kepada pekerja asing serta menyediakan kemudahan perumahan bagi memudahkan proses memantau pekerja asing sebagai langkah pencegahan daripada berlakunya masalah perburuhan dan masalah sosial yang boleh melanggar undang-undang negara (Md Fauzi & Muhd Ridhwan, 2014).

Melalui kajian ini, penyelidik dapat mengenalpasti faktor-faktor yang menghalang keberkesanan penggunaan garis panduan penyediaan penginapan pekerja asing. Secara dasarnya keberkesanan penggunaan garis panduan ini dapat diukur melalui tindakan, iaitu tindakan yang diambil oleh majikan dalam menitiberatkan soal penyediaan kemudahan kepada pekerja dalam konteks pengurusan dan perancangan yang dilaksanakan bersesuaian dengan syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh piawaian garis panduan.

Oleh yang demikian, kajian ini perlu dijalankan untuk memastikan perancangan pembangunan penempatan pekerja asing disediakan di lokasi yang bersesuaian dan strategik serta memenuhi keperluan mengikut piawaian yang telah ditetapkan di Iskandar Malaysia. Menurut kerajaan negeri menyarankan supaya majikan menyediakan penempatan khusus untuk pekerja asing mereka bagi mengelak pekerja berkenaan terbabit dengan gejala sosial (Harian Metro, 2014).

Secara umumnya, penggunaan garis panduan penyediaan penginapan pekerja asing merupakan suatu penepatan standard yang perlu dipatuhi dan diikuti oleh majikan untuk kemudahan pekerja. Garis panduan memberi penekanan kepada beberapa aspek utama iaitu perancangan tapak, reka bentuk, susun atur dan keperluan-keperluan lain. Sebab utama memilih kajian ini juga kerana kehadiran bilangan pekerja asing yang ramai di kawasan kajian yang memilih sektor pembinaan sebagai pekerjaan mereka serta kewujudan penempatan setinggan sebagai tempat tinggal mereka di kawasan tapak bina yang berdekatan oleh kerana majikan pekerja tidak menyediakan kemudahan penginapan sementara yang tertaluk kepada Lembaga Pembangunan Pembinaan Malaysia (CIDB). Justeru, kedatangan buruh asing yang ramai telah mendatangkan masalah perumahan (Azrul, 2016). Malahan, masalah ini turut menjadi kekangan kepada majikan untuk menyediakan kemudahan penginapan pekerja mengikut spesifikasi dan mematuhi kriteria dalam Garis Panduan Standard Minimum Penyediaan Penginapan Pekerja Asing (Berita Harian, 2020).

Berdasarkan masalah ini, Jabatan Tenaga kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) menggesa majikan menyediakan penginapan dan kemudahan asas mengikut piawaian bukan sahaja mempromosikan budaya kerja industri dan berdaya saing serta menjadikan persekitaran harmoni, selamat, bersih dan selesa. Penyediaan kemudahan perumahan pekerja mengikut standard ditetapkan undang-undang, bukan sahaja menjadikan tempat itu selamat didiami malah boleh meningkatkan produktiviti pekerja (Harian Metro, 2020). Pelbagai masalah yang berkaitan seperti kesesakan penghuni, masalah sosial, kemiskinan dengan bangunan berselerak serta kekurangan kemudahan infrastruktur dan telah wujud kawasan setinggan dan kawasan sekitarnya (Salehah, 2007). Oleh itu, majikan mempunyai beberapa tanggungjawab terhadap pekerja, antaranya ialah menyediakan tempat dan sistem kerja yang selamat (Md Ismail & Che Thalbi, 2004). Justeru di dalam pembangunan yang kian pesat ini terdapat juga beberapa pihak yang kurang perhatian dengan penggunaan garis panduan dalam penyediaan penginapan untuk pekerja asing yang bekerja bagi tujuan keselamatan dan mengelak jenayah dalam jangka masa panjang.

Selain itu, permasalahan yang timbul disebabkan tindakan sesetengah pemaju atau kontraktor menempatkan buruh binaan di bangunan yang masih dalam pembinaan (Berita Harian, 2019). Di samping itu, menyebabkan pekerja warga asing menyewa di kawasan rumah jenis kos rendah dan kos sederhana rendah. Kebiasaannya, projek pembinaan yang dijalankan akan menempatkan pekerja-pekerjanya di rumah kongsi yang mana kebanyakan penghuni rumah kongsi tersebut sudah semestinya dalam kalangan pekerja asing (Maizatul, 2018). Garis panduan atau peraturan perlu disediakan untuk mempertimbangkan hak-hak pekerja ini supaya keselamatan dan kesihatan mereka lebih terjamin (Md Ismail & Che Thalbi, 2004). Oleh itu, jika permasalahan penyediaan kemudahan penginapan kepada pekerja asing tidak dititikberatkan dan tidak disediakan menyebabkan akibat ketidakpuasan mereka untuk mendapatkan keperluan tempat tinggal, mereka terpaksa mendirikan kawasan perumahan secara haram serta ada sesetengah kumpulan pekerja asing ini pula membuka kawasan hutan sebagai kawasan perumahan mereka. Kawasan setinggan ini tidak teratur dan kekurangan kemudahan asas, seperti sistem pembuangan sampah dan air kumbahan juga wujud (Azrul, 2019). Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk (i) Mengkaji keberkesanan penggunaan garis panduan penyediaan penginapan pekerja asing di tapak bina, (ii) Mengenalpasti faktor-faktor yang menghalang keberkesanan penggunaan garis panduan penyediaan penginapan pekerja asing di tapak bina dan (iii) Mengenalpasti langkah-langkah untuk menerapkan penggunaan garis panduan di kalangan majikan.

Kajian ini menggariskan dan memfokuskan beberapa skop kajian bagi memudahkan proses pelaksanaan untuk mencapai dan memenuhi objektif kajian. Skop kajian ini melibatkan beberapa pihak iaitu pengurus projek dan majikan pekerja yang melaksanakan projek pembinaan di sekitar kawasan Iskandar Puteri, Johor Bahru (Rajah 1). Skop kajian ini dipilih kerana bersesuaian dengan kajian

dilaksanakan dan skop yang dipilih bagi melaksanakan kajian adalah luas. Hal ini kerana skop kajian bagi kawasan ini mencatatkan jumlah pekerja asing yang ramai bekerja di tapak pembinaan serta mempunyai penempatan yang setinggian di kawasan sekitar tapak bina. Selain itu, sesetengah pemaju dan kontraktor menempatkan buruh binaan di bangunan yang masih dalam pembinaan. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini adalah tertumpu kepada beberapa kawasan tapak pembinaan di sekitar kawasan Iskandar Puteri, Johor Bharu. Kajian ini juga adalah berdasarkan kepada data-data yang diperolehi hasil dari Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia negeri dan hasil tinjauan di sekitar mendapati rumah kongsi yang dibina untuk menempatkan lebih 50 buruh asing berhampiran kawasan tapak pembinaan (Berita Harian, 2019).



Rajah 1: Lokasi kawasan kajian

2. Kajian Literatur

Bagi memberi kemudahan kepada pekerja asing, satu garis panduan telah dilancarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) yang mengandungi elemen-elemen utama garis panduan yang memfokuskan kepada penyediaan penginapan pekerja. Sehubungan dengan ini, majikan bertanggungjawab mematuhi segala aspek yang terkandung demi kepentingan pekerja dan kemudahan di tapak bina. Justeru garis panduan diperkenalkan adalah untuk mengelakkan segala kemalangan yang berlaku di tapak bina dari aspek penempatan pekerja yang didirikan di kawasan tapak bina. Tindakan sesetengah pemaju atau kontraktor menempatkan buruh binaan di bangunan yang masih dalam pembinaan yang mendedahkan pekerja terbabit kepada pelbagai risiko kerana umpama tinggal dalam 'perangkap maut' (Berita Harian, 2019).

2.1 Garis Panduan

Definisi garis panduan ialah panduan yang perlu diikuti dan merupakan petunjuk bagi sesuatu perlaksanaan dasar kerajaan yang mewajibkan setiap pihak perlu mematuhi panduan yang telah ditetapkan. Ia merangkumi prosedur pengendalian, perancangan aktiviti amali dan ciri-ciri garis panduan yang baik (Mayafaraniza, 2003).

2.2 Penginapan

Penginapan merupakan kediaman yang dibangunkan dan disediakan oleh pihak majikan kepada pekerjanya dan sebagai kemudahan tempat tinggal untuk pekerja. Ia juga sebagai kemudahan perlindungan diri dari keselamatan dan kesihatan pekerja. Seksyen 2 Akta Industri Pelancongan (2007) telah mendefinisikan permis penginapan iaitu mana-mana bangunan, termasuk asrama, hotel, rumah inapan, rumah tumpangan, rumah rehat dan rumah pemalaman yang dikemukakan oleh pengurusnya.

2.3 Pekerja Asing

Pekerja asing merupakan pekerja yang bekerja dalam negara tetapi bukan seorang warganegara. Kebanyakan pekerja digunakan dalam sektor pembinaan dan industri dalam pelbagai bidang dengan kadar upah yang sepatutnya digajikan oleh majikan megikut piawaan pengambilan pekerja asing. Pekerja asing ini datang ke sesebuah negara sama ada secara sah atau tidak sah. Tidak sah bermaksud pas kemasukan tidak diperbaharui atau telah memasuki sesebuah negara secara haram (Ling, 2005).

2.4 Sektor Pembinaan

Ia merangkumi industri pembinaan sama ada dari segi binaan, infrastruktur dan memerlukan teknologi dan kepakaran yang tinggi dalam menghasilkan sesuatu produk serta memastikan pembinaan berjalan dengan lancar. Sektor pembinaan merupakan sektor asas yang menyumbang kepada pembangunan bagi sektor lain (Azrul, 2017). Justeru, sektor ini juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang luas serta meningkatkan pendapatan negara dengan kadar pulangan yang tinggi. Sektor pembinaan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang mempunyai kaitan secara langsung dengan sektor-sektor lain termasuk sektor perumahan, perkhidmatan, dan pembuatan bahan-bahan binaan (Junaidi & Rosmadi, 2012).

2.5 Kadar kemasukan pekerja asing di Malaysia dalam sektor pembinaan

Menurut Intan dan Sity (2016), Malaysia mengalami jumlah kemasukan warga asing yang besar di dunia, terutamanya sebagai buruh berkemahiran rendah. Hal ini kerana Malaysia mengalami kekurangan jumlah tenaga buruh dalam sektor-sektor utama negara seperti sektor pembinaan. Pekerja asing atau buruh asing yang datang dari negara luar seperti Nepal, Myanmar, India, Indonesia, Filipina, dan Vietnam. Kemasukan pekerja asing ini sama ada secara sah dan pendatang tanpa izin (PATI). Kemasukan pekerja asing terus meningkat dari tahun ke tahun dan dianggarkan sebanyak 6.7 juta pekerja asing berada di negara ini manakala hanya 2.1 juta pekerja asing mempunyai permit (Berita Harian, 2019). Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Unit Perancangan Ekonomi Malaysia dari tahun 2015 sehingga 2019 membuktikan banjir pekerja asing di Malaysia dalam sektor pembinaan.

**Jadual 1: Statistik pekerja asing bagi sektor pembinaan 2015 sehingga 2019
(Unit Perancangan Ekonomi Malaysia, Jun 2019)**

Tahun	Sektor Pembinaan			
	Lelaki	%	Perempuan	%
2015	428,469	21.6	21,895	25.6
2016	369,774	18.7	18,160	21.3
2017	339,712	17.1	16,256	19
2018	419,999	21.2	15,003	17.6
2019	424,139	21.4	14,125	16.5

Jumlah	1,982,093	100	85,439	100
--------	-----------	-----	--------	-----

Dalam Jadual 1, ia menunjukkan statistik pekerja asing bagi sektor pembinaan dari tahun 2015 sehingga awal jun 2019 yang dikeluarkan oleh Unit Perancangan Ekonomi Malaysia. Hal ini dapat dilihat bahawasanya jumlah kedatangan pekerja asing dalam sektor pembinaan dari tahun ke tahun berlakunya peningkatan. Menurut Rahman *et al.* (2013), kedatangan pekerja asing di Malaysia adalah untuk membantu memenuhi keperluan dan kekurangan buruh dalam sektor pembinaan di negara Malaysia. Selain itu, melalui statistik yang dikeluarkan dapat dilihat berlakunya peningkatan setiap tahun kemasukan pekerja asing dalam sektor pembinaan dari dua sudut perbezaan jantina antara lelaki dan perempuan. Jumlah keseluruhan kemasukan pekerja asing golongan lelaki adalah lebih tinggi berbanding kemasukan pekerja asing dari golongan perempuan. Jumlah keseluruhan bagi pekerja asing golongan lelaki mencatatkan sebanyak 1,982,093 berbanding golongan perempuan mencatatkan 85,439. Pada tahun 2015 jumlah pekerja asing bagi golongan lelaki dalam sektor pembinaan seramai 428,469 mencatatkan 21.6%. Namun pada tahun 2016 terdapat penurunan sebanyak 369,774 menurun kepada 339,712 pada tahun berikutnya dengan peratusan 18.7% dan 17.1%. Walaupun berlakunya penurunan pada tahun 2017, berlaku peningkatan pada tahun 2018 seramai 419,999 mencatatkan 21.2%. Peningkatan ini telah menjadikan tahun 2019 mencatatkan kemasukan pekerja asing yang tertinggi sepanjang lima tahun iaitu seramai 424,139 dengan mencatatkan peratusan 21.4%. Hal ini dapat dilihat jumlah kemasukan pendatang asing dari golongan lelaki mendominasi sektor pembinaan merupakan mata pencarian utama. Menurut Azizan *et al.* (2017) adalah kerana nilai mata wang Malaysia adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan nilai mata wang negara seperti Bangladesh dan Filipina.

2.6 Garis Panduan Penetapan Standard Minimum Penginapan (PSMP) Pekerja Asing 2018

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) di bawah Kementerian Dalam Negeri menyatakan penyediaan penginapan pekerja asing di tapak bina perlu diterapkan oleh semua pihak yang terlibat dalam sektor pembinaan terutamanya pihak majikan pekerja bagi mendapat kemudahan kebajikan yang disediakan olehnya. Manakala, garis panduan telah diperkenalkan oleh Kementerian Sumber Manusia bagi mengelakkan isu-isu penempatan pekerja asing yang tidak bersesuaian serta menjaga hak kebajikan pekerja asing dan secara tidak langsung dapat memudahkan pelbagai pihak di dalam membangunkan asrama pekerja mengikut panduan yang telah ditetapkan disamping menitiberatkan kemudahan asas pekerja yang mencukupi.

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia memperkenalkan garis panduan Penetapan Standard Minimum Penginapan Pekerja Asing (2018) yang menekankan bahawa setiap majikan yang mengajikan pekerja adalah wajib menyediakan kemudahan penginapan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Perumahan pekerja hendaklah mengikut standard yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan di mana perumahan itu berada (MF Sukimi & MR sarifin, 2014).

2.7 Latar Belakang Garis Panduan PSMP Pekerja Asing

Garis panduan ini menjelaskan tentang kaedah pelaksanaan dasar kerajaan yang mewajibkan setiap majikan menyediakan penginapan mengikut satandard minimum kepada pekerja asing yang digajikan. Bagi memastikan setiap pekerja di bawah tanggungjawab majikan mendapat perlindungan yang wajar kepada kesihatan dan kesejahteraan pekerja. Akta ini dinamakan Penetapan Standard Minimum Penginapan Pekerja Asing (Pindaan) 2018 yang telah diluluskan dan dilancarkan oleh Dewan Rakyat. Sejak diperkenalkan Jawatankuasa Kabinet mengenai Pekerja Asing dan Pedatang Tanpa Izin (JKKPA-PATI) kali ke-14 Bil. 2/2015 pada 18 Ogos 2015 yang telah mensasarkan bahawasanya setiap majikan yang menggajikan pekerja asing adalah wajib menyediakan kemudahan penginapan mengikut garis panduan

yang telah ditetapkan. Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai 15 Januari 2018 yang telah disediakan Kementerian Dalam Negeri dan dikuatkuasa mulai tarikh tersebut.

2.8 Tujuan pemakaian Garis Panduan PSMP Pekerja Asing

Berlandaskan Standard minimum yang terkandung dalam garis panduan ini hendaklah mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984). Garis panduan ini bertujuan menjelaskan kaedah dan pelaksanaan dasar kerajaan mewajibkan majikan menyediakan kemudahan kepada pekerja yang digajikan. Ia juga menyediakan panduan kepada majikan tentang pengurusan penyediaan penginapan dan kemudahan kepada pekerja asing. Selain itu, ia menerangkan tentang cara-cara pelaksanaan dan bagaimana harus dilakukan mengikut standard yang telah ditetapkan dalam penyediaan kemudahan kepada pekerja sebaliknya memberikan kemudahan kepada majikan dengan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Penalti am dibawah Akta 446 menetapkan majikan yang tidak mematuhi dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM2,000.00 dan tambahan tidak melebihi RM100,00 sehari bagi kesalahan yang diteruskan (MF Sukimi & MR Sarifin, 2014). Penetapan garis panduan ini majikan dapat diberikan gambaran dan panduan sebagaimana yang telah diwartakan.

Manakala terdapat empat objektif utama yang terkandung dalam Garis Panduan PSMP (2018) pekerja asing iaitu:

- i. Memberi panduan kepada majikan berhubung peruntukan standard-standard minimum penginapan untuk pekerja asing;
- ii. Memperjelas tanggungjawab majikan berhubung kebajikan dan keselamatan pekerja asing;
- iii. Mengekalkan kententeraman dan keharmonian sosial di kalangan pekerja dan masyarakat setempat; dan
- iv. Mendedahkan kepada majikan berkenaan standard antarabangsa berhubung penginapan.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh (IEA-OES2005), jangkaan tentang gangguan dan permasalahan pembekalan dan permintaan tenaga sedunia bagi setiap jenis bahan api akan berlaku menjelang tahun 2030. Dalam laporan yang sama, permintaan terhadap tenaga akan meningkat lebih daripada 50% berbanding dengan masa sekarang. Sebanyak 66.7% daripada peningkatan tersebut adalah daripada negara membangun dan permintaan terhadap bahan api fosil akan terus meningkat. Sebagai contoh, permintaan tahunan terhadap minyak akan meningkat sebanyak 1.4%, permintaan tahunan terhadap gas pula akan meningkat sebanyak 2.1% dan permintaan terhadap arang batu juga turut meningkat 1.4% setiap tahun. Pelepasan gas karbon dioksida sedunia akan meningkat 1.6% setiap tahun dari tahun 2003 ke tahun 2030.

Keberkesanan garis panduan yang wujud dari tanggungjawab majikan memainkan peranan penting dalam aspek kemudahan pekerja. Sebagai contoh, seorang majikan yang bertanggungjawab dan menjaga hak dan kepentingan pekerjanya dengan baik di samping memberikan keperluan yang secukupnya. Hal ini memberikan gambaran sejauh mana keberkesanan majikan dalam mengutamakan garis panduan sebagai media peraturan, dasar dan panduan dalam menyediakan kemudahan pekerja asing mengikut piawaian yang telah di tetapkan. Aspek ini juga di ambil kira apabila Construction Industry Master Plan (CIMP 2006-2015) penggubalan Kod Etika sebagai usaha memantapkan lagi pengamalan nilai dan etika murni di dalam pelaksanaan kerja-kerja pembinaan.

3. Metodologi Kajian

Kaedah bermaksud cara bagaimana kajian tersebut dilaksanakan. Reka bentuk kajian adalah penting bagi sesuatu kajian sebagai panduan untuk memastikan objektif kajian tercapai seterusnya menjawab persoalan kajian. Reka bentuk kajian merupakan kaedah untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Seterusnya untuk mengetahui bagaimana sesuatu objektif kajian dapat dicapai. Kajian ini mengandungi 3 objektif utama iaitu untuk mengkaji keberkesanan penggunaan garis panduan penyediaan penginapan pekerja asing di tapak bina, kedua mengenalpasti faktor-faktor yang menghalang keberkesanan penggunaan garis panduan penyediaan penginapan pekerja asing di tapak bina manakala objektif ketiga mengenalpasti langkah-langkah untuk menerapkan penggunaan garis panduan di kalangan majikan.

Menurut Merriem (1998) juga menyatakan terdapat tiga jenis temubual distrukturkan iaitu temubual berstruktur, temubual separa berstruktur dan temubual tidak berstruktur. Pendekatan kaedah kualitatif digunakan dalam kajian kerana ia sangat sesuai dan memfokuskan kepada majikan pekerja dengan menemu bual pihak majikan pekerja asing iaitu pengurus projek, pengurus fasiliti dan pegawai keselamatan dan kesihatan untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian yang didapati. Bagi pengkaji, kaedah ini dapat memberi maklumat yang tepat dan jelas serta berpotensi memenuhi kehendak. Kaedah temubual telah digunakan dalam kajian ini bagi memperoleh segala maklumat penting yang berkaitan dengan kajian ini.

Bagi kajian ini kaedah temubual berstruktur telah dilaksanakan terhadap pihak majikan di tapak bina bagi memperoleh maklumat berdasarkan objektif kajian. Melalui temubual antara majikan berdasarkan objektif kajian dan soalan telah diajukan semasa sesi temubual dijalankan. Seterusnya, soalan-soalan yang diajukan berdasarkan objektif kajian dan seterusnya maklumat-maklumat tersebut dijadikan data untuk dimasukkan ke dalam kajian penyelidikan. Maklumat yang diperolehi daripada temubual dapat dilihat pada Jadual 2 di bawah. Kesemua maklumat dan data diperolehi direkod dan dicatat semasa proses temubual antara majikan dengan peyelidik. Kemudian data-data ini dianalisis dalam bentuk bertulis bagi memudahkan pengkaji membuat penilaian terhadap objektif kajian yang telah dikaji.

Jadual 2: Kaedah perolehan data

Objektif Kajian	Kaedah Kajian	Responden Kajian
1. Mengkaji keberkesanan penggunaan garis panduan penyediaan penginapan pekerja asing di tapak bina	Temubual	Majikan
2. Menenalpasti faktor-faktor yang menghalang keberkesanan penggunaan garis panduan penyediaan penginapan pekerja asing di tapak bina	Temubual	Majikan
3. Menenalpasti langkah-langkah untuk menerapkan penggunaan garis panduan di kalangan majikan	Temubual	Majikan

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dalam peringkat menganalisis data, maklumat yang diperolehi daripada responden yang ditemubual dan disusun secara sistematik dalam soalan berstruktur. Maklumat yang diperolehi melalui temubual telah diambil melalui kaedah rakaman suara responden bagi memastikan segala data yang diperolehi semasa sesi temubual telah direkodkan supaya setiap maklumat yang diperolehi tidak

bercanggah serta memudahkan proses transkrip data temubual dibuat. Manakala rakaman suara telah dibuat menggunakan alat perakam elektronik yang telah tersedia di dalam telefon bimbit dan ianya mampu menyimpan segala data rakaman dengan selamat dan memudahkan proses dapatan maklumat.

Selain itu, tempoh masa yang diambil oleh responden semasa proses temubual ialah dalam lingkungan 40 minit hingga 60 minit bergantung kepada responden yang ditemubual. Justeru, jawapan yang diberikan oleh responden juga mempengaruhi tempoh masa sama ada jawapan panjang atau pendek semasa proses temubual dijalankan. Manakala hasil dapatan daripada temubual dianalisis dalam bentuk jadual. Setiap responden mempunyai pendapat serta pengalaman dalam hal-hal yang berkaitan dengan penyediaan penginapan pekerja di tapak bina.

Jadual 3: Latar belakang responden yang terlibat

Responden	Syarikat	Jawatan	Taraf Pendidikan	Pengalaman
Responden 1 (R1)	Syarikat A	Pengurus Projek	Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)	23 tahun
Responden 2 (R2)	Syarikat B	Pengurus Fasiliti	Diploma Vokasional Malaysia (DVM)	10 tahun
Responden 3 (R3)	Syarikat C	Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pembinaan	6 tahun

Berdasarkan Jadual 3, kesemua responden telah dipilih berdasarkan kajian yang telah dijalankan dan pengalaman responden dalam industri pembinaan. Responden bagi kajian ini terdiri daripada empat kategori iaitu pengurus projek, pengurus fasiliti dan pegawai keselamatan dan kesihatan. Daripada ketiga-tiga responden ini, responden yang mempunyai pengalaman kerja yang paling lama dalam pembinaan ialah 23 Tahun yang merupakan responden pertama daripada syarikat A yang memegang jawatan sebagai pengurus projek. Taraf pendidikan beliau adalah Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Diikuti oleh pengalaman responden selama 10 Tahun dari syarikat B yang memegang jawatan sebagai pengurus fasiliti dan taraf pendidikan adalah Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Akhir sekali, responden yang mempunyai pengalaman paling minima iaitu 6 Tahun mewakili taraf pendidikan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pembinaan yang memegang jawatan sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan.

4.1 Bahagian Keberkesanan Penggunaan Garis Panduan Penyediaan Penginapan Pekerja Asing di Tapak Bina

Hasil daripada analisis temubual yang telah dilaksanakan penyelidik dapat mengenalpasti kepatuhan serta pandangan pihak majikan terhadap Garis Panduan Penyediaan Penginapan Pekerja Asing yang telah dilancarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) yang mewajibkan majikan menyediakan penginapan mengikut standard minimum penginapan yang terkandung dalam garis panduan.

4.1.1 Kefahaman Majikan Garis Panduan Penyediaan Penginapan Pekerja Asing

Garis Panduan sangat penting diamalkan dan dipraktikkan oleh setiap majikan dan pengurus pekerja dalam industri pembinaan khususnya terhadap penyediaan kemudahan kepada pekerja di tapak bina.

Garis panduan ini menyediakan panduan kepada pengurus projek, pengurus fasiliti dan pegawai keselamatan dan kesihatan untuk menjaga kebajikan semasa melaksanakan projek pembinaan. Selain itu, ia juga menerangkan apa yang mereka mesti atau patut lakukan untuk mematuhi undang-undang dan menyarankan peranan mereka untuk menguruskan projek mereka. Di samping itu, penyelidik mahu mengetahui sejauhmana kefahaman pihak responden tentang garis panduan penyediaan penginapan pekerja asing ini yang dilaksanakan dalam projek yang dijalankan. Jadual 4 menunjukkan pandangan yang diberikan oleh responden-responden yang terlibat.

Jadual 4: Kefahaman majikan terhadap garis panduan penyediaan penginapan pekerja asing

Soalan	Responden	Penjelasan
Pada pandangan pihak tuan / puan apakah yang difahami tentang Garis Panduan Penyediaan Penginapan Pekerja Asing?	R1	“Pandangan saya, garis panduan adalah kaedah pelaksanaan yang mewajibkan kemudahan disediakan mengikut buku garis panduan yang disediakan oleh pihak berkuasa seperti Kementerian Sumber manusia, adanya buku memudahkan proses kerja”
	R2	“Tanggungjawab dari segi penyediaan penginapan perlu diikuti sebagai contoh sebelum masuk site, pengurus akan memberitahu syarat-syarat untuk duduki rumah kongsi, pekerja harus ikut ”
	R3	“Garis panduan ini sangat bagus sebenarnya untuk memudahkan proses pelaksanaan, benda yang sudah ada memudahkan sebagai rujukan pihak majikan pekerja, apa yang saya faham”

Berikut adalah hasil daripada temubual berkaitan dengan kefahaman pihak majikan terhadap Garis Panduan penyediaan penginapan pekerja asing. Secara umumnya, kesemua responden memahami dan menyedari bahawa garis panduan adalah panduan yang sangat penting dalam proses kerja. Hasil kajian ini disokong oleh Shah et al., (2017) yang menghuraikan tentang industri pembinaan adalah sektor perniagaan yang mencabar dan mempunyai permintaan yang tinggi. Justeru, garis panduan adalah sangat penting dalam pelaksanaan sebuah kerja khususnya dalam sektor pembinaan. Berdasarkan kenyataan responden-responden yang terlibat ialah :

Setelah dilakukan temubual, responden R1 menyatakan bahawa,

“Kementerian Sumber Manusia telah menetapkan Garis Panduan Penyediaan Penginapan Pekerja Asing sebagai panduan, dan merupakan kaedah pelaksanaan yang mewajibkan kemudahan disediakan mengikut buku garis panduan yang disediakan oleh pihak berkuasa dan dengan adanya panduan tersebut memudahkan proses kerja dilaksanakan.” (Responden 1).

Pendapat responden R2 pula,

“Tanggungjawab dari segi penyediaan penginapan perlu diikuti sebagai contoh sebelum masuk site, pengurus akan memberitahu syarat-syarat untuk duduki rumah kongsi, pekerja harus ikut.” (Responden 2).

Manakala responden R3 menyatakan bahawa,

“Menurut kefahaman Garis panduan ini sangat bagus sa untuk memudahkan proses pelaksanaan, benda yang sudah ada memudahkan sebagai rujukan pihak majikan pekerja” (Responden 3).

Kesimpulannya, berdasarkan temubual yang dijalankan, boleh disimpulkan bahawa responden-responden berpendapat bahawa Garis Panduan yang diperkenalkan oleh Kementerian Sumber Manusia ini adalah sangat bagus kepada sektor pembinaan bagi membolehkan majikan mempraktik dan mengikut segala peraturan serta piawai yang disediakan dalam menyediakan kemudahan pekerja disamping menjaga keselamatan di tapak-tapak pembinaan.

4.1.2 Pelaksanaan pihak majikan dalam menyediakan kemudahan pekerja

Secara umumnya, pihak majikan mempunyai tanggungjawab yang sangat besar bermulanya dari peringkat awal projek sehingga projek disiapkan sepenuhnya. Hal ini menyatakan bahawa majikan berhak dan bertanggungjawab dalam setiap penyediaan kemudahan kepada pekerja termasuk fasiliti di tapak bina bagi menjaga aspek keselamatan pekerja. Menurut Ali *et al.*, (2018) tahap keselamatan pekerja di tapak bina kini adalah amat membimbangkan dan ini akan memberikan kesan yang amat buruk kepada sektor industri pembinaan kerana kurangnya tanggungjawab daripada pihak atasan. Justeru, pihak majikan dan pengurus pekerja merupakan pihak yang sangat penting dalam mengurus pekerja.

Berikut adalah kenyataan responden yang menghuraikan lebih lanjut mengenai pelaksanaan pihak majikan dalam menyediakan kemudahan pekerja.

Setelah dilakukan temubual responden R1 menyatakan bahawa,

“Pihak kami menyediakan kemudahan kepada pekerja termasuk sediakan kemudahan penginapan sementara tertakluk kepada Temporary Construction Site Worker yang dikeluarkan oleh CIDB” (Responden 1).

Menurut responden R2, beliau menyatakan bahawa,

“Di tapak bina, selalunya kita sebagai majikan pekerja sediakan tempat tinggal seperti rumah kongsi, penyediaan tempat tinggal ini juga tertakluk kepada garis panduan, mahupun pekerja harus ikut syarat menduduki rumah kongsi sehingga projek sia” (Responden 2).

Kenyataan responden R1 dan R2 dikukuhkan lagi dengan kenyataan yang diberikan oleh responden R3. Beliau menyatakan bahawa,

“Bukan tidak sediakan kemudahan ikut garis panduan, untuk mengikut kesemua aspek sangat sukar tetapi pihak kita ada sediakan kemudahan fasiliti dan tempat tinggal pekerja dan dapat kelulusan dari pihak PBT” (Responden 3).

Kesimpulan yang dapat dibuat melalui kenyataan-kenyataan diberikan oleh setiap responden adalah mereka telah melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan melaksanakan peranan dengan memenuhi segala aspek garis panduan dalam memastikan kebajikan pekerja asing terjaga.

4.1.3 Tanggungjawab pihak majikan dalam penyediaan kemudahan pekerja

Pihak majikan pekerja memainkan peranan penting dalam mengawasi pekerja-pekerja di tapak bina yang memerlukan pengawasan yang rapi untuk menjaga keselamatan dan kesihatan pekerja dengan sebaik mungkin. Oleh itu, majikan juga bertanggungjawab dalam menyediakan segala kemudahan kepada pekerja di tapak bina selain daripada aspek keselamatan pekerja yang menjadi keutamaan mereka dalam menjalankan kerja-kerja pembinaan. Jadual 4.7 menunjukkan jawapan yang diberikan oleh responden-responden yang terlibat.

Berikut adalah hasil daripada temubual mengenai tanggungjawab pihak majikan dalam penyediaan kemudahan pekerja. Berdasarkan kenyataan responden-responden yang terlibat ialah:

Responden R1 menjelaskan bahawa,

“Tanggungjawab majikan terhadap kemudahan dan keselamatan semua pekerja itu sangat mencabar, kalau dekat tapak bina ramai pekerja, tidak sempat kita hendak jaga semua, di tapak bina semua aspek pihak kita titikberatkan seperti fasiliti, tempat tinggal bekalan air semua itu” (Responden 1).

Menurut responden R2, beliau menyatakan bahawa,

Tanggungjawab majikan sangat besar dan rumit sebenarnya, kena ikut prosedur kerja semua, tetapi pihak kami memberikan yang terbaik untuk memberi perlindungan untuk pekerja asing, keselesaan tempat tinggal, sistem pengudaraan.” (Responden 2).

Manakala responden R3 berpendapat bahawa,

“Kita sediakan kemudahan dan peralatan yang diperlukan terutamanya tempat tinggal yang selamat, selepas itu bekalan air bersih dan pekerja perlu ikut prosedur dan syarat yang ditetapkan.” (Responden 3).

Kesimpulan yang dapat dibuat melalui kenyataan-kenyataan yang telah diberikan oleh responden ialah pihak majikan telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin dalam menyediakan kemudahan kepada pekerja yang mengambil kira aspek keselamatan dan keselesaan pekerja.

5. Kesimpulan

Meskipun terdapat beberapa kekangan dan halangan sepanjang menjalankan kajian ini, namun kajian ini telah berjaya dengan menemukan penyelidik dengan ketiga-tiga responden bagi mendapatkan maklumat dan data hasil daripada kaedah temubual yang dijalankan. Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa pentingnya penggunaan garis panduan dalam penyediaan penginapan pekerja oleh setiap pihak majikan pekerja. Faktor penghalang penggunaan garis panduan dapat dikenalpasti dalam kajian ini dan langkah-langkah yang berkesan juga perlu dititikberatkan dalam pelbagai aspek untuk memberi kesedaran kepada pihak majikan bahawa keberkesanan penggunaan garis panduan adalah sangat penting dalam memastikan keselamatan setiap pekerja dalam sektor pembinaan. Di samping itu, mengharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan dan impak yang positif kepada golongan majikan dalam melaksanakan tanggungjawab kepada pekerja asing. Selain itu, kajian ini memberikan kesan yang baik kepada pekerja dan juga sektor pembinaan apabila segala kemudahan pekerja di tapak bina disediakan mengikut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan menjadikan pekerja lebih produktif dalam melaksanakan kerja-kerja serta segala permasalahan di tapak bina dapat di atasi. Pihak berkuasa juga perlu memastikan kos operasi bagi penyediaan kemudahan penginapan pekerja dalam sektor pembinaan dapat diuruskan dengan baik dan efisien.

Penghargaan

Pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Research Management Center (RMC, geran TIER 1 Q021), UTHM, CSIEM dan FPTP UTHM kerana sokongan dan dorongan daripada mereka.

Rujukan

- Ali, R. (2018). Amalan keselamatan pengurusan tapak bina oleh majikan dan pekerja di dalam industri pembinaan (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Ab Rahman, A. A., Zulkifli, N., Teh, G. S., Mohd Nawi, M. N., & Osman, W. N. (2013). Pekerja asing di dalam sektor pembinaan di Malaysia.
- Ajis, M. N. E., Ismail, M. D. A., Shuib, M. S., & Keling, M. F. Dasar dan Pengurusan Pekerja Asing di Negara- Negara Asia Tenggara
- Ambrose, M. (2010). Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Berkesan di Tapak Bina dari Pandangan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Tapak. Universiti Teknologi Malaysia. Laporan Projek Sarjana.
- Azizan, Morshidi & Mamat, Willvivne. (2017). Impak Kemasukan Buruh Asing (MALAYSIA) 10.13140/RG.2.2.20902.93768.
- Berita Harian Online (2019). Rumah pekerja, Kerajaan dapatkan pandangan majikan. dicapai pada Apr, 21, 2020 dari <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/08/599153/rumah-pekerja-kerajaan-negeri-dapatkan-pandangan-majikan>
- Berita Harian Online (2020). Penempatan khas pekerja asing. Dicapai pada Mei, 5, 2020 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/598447/penempatan-khas-pekerja-asing>
- Cole, R. J., & Brown, Z. (2009). Reconciling human and automated intelligence in the provision of occupant comfort. *Intelligent buildings international*, 1(1), 39-55.

- Ismail, W., & Sabri, W. (2012). Kesedaran Keselamatan dalam Kalangan Pelajar Kolej Kemahiran Tinggi Mara di Lembah Kelang (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012.
- Jamil, M. Z. A. M., Othman, N. K., Rahman, I. A., & Zainnudin, F. M. D. Z. (2016). Keberkesanan Pelaksanaan Sistem FLatihan Amali/Industri Dalam Pengurusan Penempatan Latihan Industri bagi Pelajar Pusat Pengajian Fizik Gunaan. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19, 52-64.
- Khamis, N. (2018). Perlaksanaan MS 2593: 2015 (Kod Amalan Kemudahan dan Kediaman Sementara Pekerja Tapak Bina) di kalangan kontraktor gred 6 dan gred 7 (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Kosnan, N. M. (2003). Kajian terhadap keperluan garis panduan pengendalian makmal automasi: pneumatik, bagi pelajar sarjana muda teknologi kejuruteraan mekanikal, Fakulti Teknologi Kejuruteraan, KUiTTHO (Doctoral dissertation, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn).
- Kustiyarningsih, S. (2008). Asrama pekerja di kawasan industri Tugu Wijayakusuma Semarang (Doctoral dissertation, Jurusan Arsitektur Fakultas Teknik Undip).
- Marjuki, M. A. (2018). Eksploitasi Pekerja Asing, Halangan dan Cabaran di Sektor Pembinaan (Exploitation of Foreign Workers, Obstacles and Challenges in the Construction Sector). *Trends in Undergraduate Research*, 1(1). doi: 10.33736/tur.1186.2018
- Mastura, I., & Mustakim, M. (2018). Pelaksanaan Pemenuhan Hak Pekerja Rumah Tangga Oleh Majikan. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Bidang Hukum Keperdataan*, 2(3), 528-534.
- Misnan, M. S., Mohammed, A. H., Mohd Yusof, Z., Adul Hamid, R., Othman, N., Mahmood, W., & Yusoff, W. (2015). Isu-isu Semasa Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Industri Pembinaan Malaysia. Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Skudai, Johor, Malaysia.
- Mohd Nawati, Mohd Nasrun. (2006). Pematuhan Majikan Terhadap Penyediaan Peralatan Keselamatan Kepada Pekerja di Tapak Bina.
- Muda, A. (1994). Garispanduan perancangan pembangunan atas tanah bekas lombong. Kes Kajian: Daerah Kinta, Perak (Doctoral dissertation, Faculty of Architecture, Planning and Surveying).
- Mulyanti, I. (2010). Suatu Tinjauan Tentang Sewa Menyewa Rumah Berjangka Pendek Bagi Pekerja Kontrak (Studi Di Kota Batam) (Master's thesis).
- Sukimi, M. F., & Sarifin, M. R. (2014). Negara, undang-undang dan tenaga kerja asing: Antara ideal dan realiti di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 10(1), 101-109.
- Utusan Malaysia online (2020). Permohonan majikan ditolak antaranya kerana gagal sediakan penginapan yang baik. Dicapai pada Mei 23, 2020, dari <https://www.utusanborneo.com.my/2017/10/03/permohonan-majikan-ditolak-antaranya-kerana-gagal-sediakan-penginapan-yang-baik>
- Yusop, A. G., Jamaludin, A., Hamzah, C. L., Mohd Hashim, I., Abdullah, M., Razali, M., & Tahir, M. Y. (1988). Setinggalan: Masalah dan pemilihan rumah dalam proses penempatan semula (Doctoral dissertation, Faculty of Administrative Science and Policy Studies).

- Zaimora, R. (2006). Pelaksanaan piawaian pembangunan fasiliti penginapan dalam kawasan hutan lindungan di Malaysia (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Zainudin, A. Z., & Malek, J. A. (2010). Keberkesanan Program Bandar Selamat Dari Persepsi Penduduk Kajian Kes: Bandaraya Shah Alam. *Sains Humanika*, 53(1).
- Zikry (2012). Keburukan-Kemasukkan-Pekerja-Asing Retrieved 10/11, 2016, from <http://myforeignerassistance.blogspot.com/2012/12/keburukan-kemasukkan-pekerja-asing.html>